

# Tingkat keupayaan ketenteraan diteruskan

Oleh ZABRY MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 31 Julai - Malaysia seperti negara-negara lain di rantau ini mengiktiraf pentingnya peningkatan keupayaan pertahanannya secara berterusan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, menyedari pentingnya strategi itu, Malaysia kini memberi tumpuan terhadap perancangan jangka panjang bagi memenuhi keperluan berkenaan.

Beliau berkata, antara tumpuan utama dalam perancangan tersebut ialah membina keupayaan pertahanan sendiri tanpa mengharapkan bantuan luar.

"Kerajaan turut memberi penekanan kepada kemampuan bertindak-balas terhadap perubahan ancaman masa ini yang semakin canggih dan kompleks," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap melancarkan Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia 2008 (DSA 2008) di sini, hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, pengumuman pameran sedemikian mampu melonjak industri pertahanan negara.

Jelasnya, pameran tersebut



**PERKHIDMATAN PERTAHANAN ASIA KE-11**

**21-24 APRIL 2008**

**Kuala Lumpur, Malaysia**


menyediakan peluang secukupnya kepada pengusaha tempatan untuk meluaskan rangkaian perniagaan selain menimba pengetahuan baru melalui pemindahan teknologi.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sijil pengesahan penyertaan kepada 19 syarikat tempatan.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Abu Bakar Abdullah; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Pengarah DSA Exhibition and Conference Sdn. Bhd., Datuk Azzat Kamaludin.

DSA 2008 akan berlangsung dari 21 hingga 24 April tahun depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Antara yang bakal menjadi tarikan utama pameran dwitahunan itu ialah Seksyen Perubatan Medan serta Akademi Latihan dan Simulasi yang pertama kali



**NAJIB Tun Razak memasukkan kad digital sambil diperhatikan Abdul Aziz Zainal (dari kiri), Abu Bakar Abdullah dan Azzat Kamaludin sebagai tanda pelancaran Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia 2008, di Kuala Lumpur, semalam.**

diperkenalkan.

Sebanyak 600 syarikat dari 40 negara dijangka menyertai DSA 2008 yang menyediakan tapak

seluas kira-kira 40,000 meter persegi.

Sebanyak 90 peratus daripada tapak pameran sudah pun ditem-

pah dengan sebahagian besar merupakan syarikat dari dalam dan luar negara yang mengambil bahagian pada DSA dua tahun lalu.

Um- 1/8/2007